

Pelabuhan Klang

Walaupun terpaksa bergelumang dengan lumpur dan cuaca gerimis sejak pagi namun kepuasan jelas tergambar pada wajah 250 peserta program penanaman anak pokok bakau di Pulau Ketam, di sini, kelmarin.

Menerusi program anjuran Persatuan Alumni Sekolah Tengku Ampuan Jemaah (STAJ) itu, semua peserta terdiri daripada bekas pelajar, pelajar STAJ, sukarelawan dan aktivis alam sekitar bergotong-royong menanam semula 300 anak pokok bakau bagi memulihara persekitaran.

Pengerusi Alumni STAJ Ahmad Mansor Sa Abu Hasan berkata, Program Bersih Bakau Pulau Ketam itu adalah acara tanggungjawab sosial korporat pihaknya serta diadakan sempena Hari Bumi Sedunia 2017 yang disambut 22 April lalu.

Katanya, aktiviti pemuliharaan alam sekitar itu juga

'Main' lumpur tanam bakau

■ 250 peserta jayakan program tanam semula



TENGGU Amir beramah mesra dengan sukarelawan pada program tanam pokok bakau.



SEBAHAGIAN daripada 250 sukarelawan yang menghadiri program tanam pokok bakau sempena Hari Bumi Sedunia.

adalah sebahagian daripada sambutan jubli emas alumni berkenaan yang diadakan sepanjang tahun ini.

"Program ini mendapat kerjasama pelbagai agensi lain termasuk Jabatan Hutan serta pemimpin dan penduduk setempat bagi membantu merealisasikan impian kami untuk memulihara alam sekitar.

"Ia dilakukan kerana habitat flora dan fauna kebanyakannya musnah disebabkan aktiviti manusia yang membawa pencemaran kepada alam sekitar," katanya. Program terbabit diserikan

dengan kehadiran Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah yang turut serta menanam anak pokok bakau.

Ahmad Mansor berkata, program sedemikian diharapkan dapat dicontohi pihak lain supaya usaha berterusan dilakukan bagi memulihara alam sekitar.

"Kebiasaannya sambutan ini tidak lari daripada majlis makan, boling dan bermain golf, tetapi kita keluar daripada kebiasaan dengan menganjurkan aktiviti ini supaya menjadi contoh kepada persatuan lain," katanya.